

# SOALAN-SOALAN LAZIM UNTUK PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO iTEKAD MAJU

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
1.	Apakah Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju?	<p>iTEKAD ialah sebuah program rangkuman yang telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia, dengan tujuan membantu usahawan mikro berpendapatan rendah bagi memperkukuhkan pengurusan kewangan dan kepintaran perniagaan mereka ke arah menjana pendapatan yang mampan. Setiap program iTEKAD menggabungkan penyediaan aset perniagaan yang dibiayai oleh instrumen kewangan sosial (contoh: derma, pelaburan impak sosial, zakat dan wakaftunai) dengan kewangan mikro, ditambah dengan latihan kewangan dan perniagaan berstruktur.</p> <p>Bank Islam Malaysia Berhad menyokong penuh pelaksanaan ini dengan memperkenalkan Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju. Program ini direka untuk usahawan mikro yang ingin membangunkan perniagaan untuk menjana pendapatan berterusan.</p> <p>Program ini bertujuan untuk mendidik pemohon serta memantau prestasi dan kejayaan perniagaan mereka.</p>
2.	Apakah matlamat Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju?	<ol style="list-style-type: none"> <li>Membiayai usahawan mikro <i>underbanked</i><sup>(a)</sup> untuk tujuan: <ol style="list-style-type: none"> <li>Modal kerja (termasuk sumbangan Takaful (pilihan) dan/atau;</li> <li>Perbelanjaan modal</li> </ol> <p>Nota<sup>(a)</sup>: <i>Underbanked</i> merujuk kepada perniagaan yang belum layak untuk mendapatkan pembiayaan PKS biasa daripada mana-mana Institusi Kewangan termasuk Bank Islam.</p> </li> <li>Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>Pembelian saham;</li> <li>Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada yang diambil dengan Bank lain;</li> <li>Pembelian pelaburan tanah/hartanah;</li> <li>Pembangunan hartanah;</li> <li>Pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan;</li> <li>Aktiviti di mana stok dalam perdagangan adalah wang (termasuk perniagaan kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans);</li> <li>Perjudian, alkohol, tembakau atau aktiviti/produk lain yang serupa; dan</li> <li>Aktiviti tidak patuh Syariah.</li> </ol> </li> <li>Pembiayaan bertindih (pembiayaan semula) dibenarkan tertakluk kepada: <ol style="list-style-type: none"> <li>Pembiayaan bertindih hanya diperluaskan kepada usahawan mikro iTEKAD Maju yang sedia ada;</li> <li>Usahawan mikro iTEKAD Maju yang memohon pembiayaan semula hendaklah mempunyai rekod prestasi pembayaran balik yang baik.</li> <li>Kelulusan diberikan dengan had baharu yang lebih tinggi.</li> </ol> </li> </ol>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
3.	<p>Bagaimanakah Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju ini dijalankan oleh Bank Islam?</p>	<p>Program ini direka untuk usahawan mikro yang layak untuk mengembangkan perniagaan bagi menjana pendapatan yang mampan.</p> <p>Permohonan boleh dilakukan melalui Rakan Perlaksana yang telah dilantik oleh Bank Islam ataupun boleh menghubungi pegawai Bank Islam.</p> <p>Bank Islam akan menilai dan mengenal pasti pemohon yang memenuhi kriteria program.</p> <p>Pemohon yang berjaya mesti menghadiri sesi induksi yang dianjurkan oleh Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana. Setelah tamat sesi induksi tersebut, Bank Islam akan mengeluarkan pembiayaan kepada usahawan mikro.</p> <p>Sepanjang tempoh pembiayaan, usahawan akan diberikan latihan lanjutan dan bimbingan daripada Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana yang dilantik oleh Bank Islam dalam membangunkan perniagaan.</p>
4.	<p>Siapakah yang layak memohon?</p>	<p>Usahawan mikro yang memenuhi kriteria kelayakan berikut layak untuk memohon bagi pertimbangan Bank Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memenuhi definisi Perusahaan Mikro oleh SME Corporation Malaysia;</li> <li>2. Perusahaan Mikro Malaysia (Rakyat Malaysia yang menetap di Malaysia yang memegang sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dalam perusahaan mikro);</li> <li>3. Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan profesional;</li> <li>4. Minimum 1 tahun dalam perniagaan;</li> <li>5. Berumur antara 21 hingga 60 tahun pada tarikh permohonan;</li> <li>6. Mengemukakan pelan perniagaan dengan menunjukkan aliran tunai positif untuk membayar semula pembiayaan</li> </ol>
5.	<p>Bilakah permohonan Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju ini dibuka?</p>	<p>Permohonan dibuka bermula 1 Mei 2020</p>
6.	<p>Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju?</p>	<p>Dokumen yang diperlukan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kad pengenalan;</li> <li>2. Set lengkap Borang Permohonan (termasuk senarai semak piawaian deklarasi inisiatif VBI, ESG dan borang lain yang berkaitan);</li> <li>3. Bukti pendapatan (contohnya Borang Cukai Pendapatan B, penyata bank terkini bagi tempoh 6 bulan);</li> <li>4. Bukti operasi perniagaan (contohnya pendaftaran perniagaan dan lain-lain dokumen berkaitan);</li> <li>5. Bil utiliti; dan</li> <li>6. Dokumen lain yang berkaitan</li> </ol>
7.	<p>Apakah maksud usahawan mikro dalam Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju?</p>	<p>Peniaga kecil-kecilan dengan pendapatan jualan tahunan di bawah RM300,000 atau mempunyai kurang daripada 5 orang pekerja tetap.</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
8.	Apakah perbezaan antara Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju dengan pembiayaan mikro bank-bank lain untuk perniagaan yang terjejas oleh COVID-19?	<p><b>Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju mempunyai tiga komponen utama:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pembiayaan mikro;</li> <li>Bantuan geran kepada pemohon yang layak untuk membeli peralatan perniagaan; dan</li> <li>Program latihan pembangunan perniagaan percuma, tertakluk kepada terma dan syarat.</li> </ol>
9.	<p>Berapakah amaun pembiayaan?</p> <p>Untuk tempoh berapa lama?</p>	<p><b><u>Amaun pembiayaan:</u></b></p> <p><b>Minimum: RM10,000-00</b></p> <p><b>Maksimum:</b></p> <p>a) <b>Permohonan kali pertama:</b> Sehingga RM50,000 bagi setiap permohonan</p> <p>b) <b>Permohonan kali kedua dan seterusnya:</b> Sehingga RM100,000.00 bagi setiap permohonan</p> <p>Nota: Jumlah agregat pembiayaan yang diperolehi melalui iTEKAD Maju adalah dihadkan kepada RM200,000-00 bagi setiap perusahaan mikro. Perusahaan mikro tersebut boleh mempunyai lebih dari satu (1) kemudahan melalui program ini tertakluk kepada agregat pembiayaan yang diluluskan tidak melebihi RM200,000-00.</p> <p>Jumlah agregat maksimum pembiayaan yang diperolehi di bawah Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF) dan mana-mana kemudahan di bawah Dana BNM hendaklah dihadkan kepada RM5 juta bagi setiap perusahaan mikro. Ini termasuk pembiayaan kepada mana-mana syarikat berkaitan perusahaan mikro dengan pemegang saham biasa, melainkan syarikat berkaitan perusahaan mikro mempunyai tenaga kerja yang berbeza. Dalam kes sedemikian, setiap perusahaan mikro mempunyai had pembiayaan masing-masing sebanyak RM5 juta.</p>
10.	Berapa lama tempoh pembiayaan?	<p><b><u>Tempoh pembiayaan:</u></b></p> <p><b>Minimum :1 tahun</b></p> <p><b>Maksimum :7 tahun</b></p>
11.	Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?	<b>Kadar keuntungan yang akan dikenakan ialah pada kadar tetap 4.0% setahun.</b>
12.	Bagaimana cara pembiayaan ini disalurkan kepada penerima?	<p><b>Bank Islam akan menilai dan mengenal pasti pemohon yang memenuhi kriteria program.</b></p> <p><b>Pemohon yang berjaya mesti menghadiri sesi induksi yang dianjurkan oleh Bank Islam dan/ atau Rakan Pelaksana.</b></p> <p><b>Setelah tamat sesi induksi tersebut, Bank Islam akan mengeluarkan pembiayaan kepada usahawan mikro.</b></p> <p><b>Sepanjang tempoh pembiayaan, usahawan akan diberikan latihan lanjutan dan bimbingan daripada Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana yang dilantik oleh Bank Islam dalam membangunkan perniagaan.</b></p>
13.	Bagaimana cara penerima membayar balik pembiayaan?	<b>Bayaran adalah secara bulanan.</b>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
14.	Adakah terdapat fi yang dikenakan terhadap pembiayaan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi Wakalah Tawarruq berjumlah RM50.00 akan dikenakan kepada pemohon.</li> <li>• Jika kemudahan pembiayaan dibatalkan, anda dikehendaki membayar semua kos penyediaan dokumentasi berkaitan kemudahan pembiayaan (jika ada) yang telah ditanggung oleh pihak Bank termasuk semua perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan.</li> </ul>
15.	Adakah penjamin diperlukan?	Penjamin tidak diperlukan.
16.	Adakah cagaran diperlukan?	Cagaran tidak diperlukan.
17.	Berapa lamakah tempoh untuk mengikuti program latihan pembangunan perniagaan?	Tempoh latihan pembangunan perniagaan yang wajib diikuti akan dimaklumkan kepada pemohon yang memenuhi kriteria kelak.
18.	Bagaimana untuk mengetahui saya terpilih untuk mengikuti latihan?	Pihak Bank akan menghubungi pemohon yang berjaya.
19.	Berapa lamakah proses program ini?	<p>Jika memenuhi kriteria kelayakan memohon, proses semakan dan kelulusan pembiayaan mikro akan dilakukan dalam tempoh 6 hari bekerja tertakluk kepada butiran permohonan yang lengkap.</p> <p>Pemohon yang berjaya perlu mengikuti sesi <i>onboarding</i> yang dilaksanakan oleh Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana.</p> <p>Setelah mengikuti sesi <i>onboarding</i>, proses pembayaran pembiayaan mikro kepada penerima adalah dalam tempoh 4 hari bekerja (selepas penerimaan dana daripada Bank Negara Malaysia)</p>
20.	Adakah Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju ini hanya terbuka kepada pelanggan bank pemohon?	Program ini terbuka kepada semua usahawan mikro di Malaysia tanpa mengambil kira sama ada pemohon adalah pelanggan bank sedia ada atau tidak.
21.	Apakah Tips yang dapat membantu kelulusan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod kredit perlu dijaga dengan baik. Rekod kredit pemilik/rakan kongsi boleh mempengaruhi kelulusan.</li> <li>• Pastikan tiada kes-undang-undang. Kes undang-undang boleh memberi kesan kepada permohonan.</li> <li>• Pastikan bayaran utiliti/telekom dibayar dengan konsisten. Saman tertunggak dengan syarikat utiliti/telekom boleh memberi Kesan kepada kelulusan.</li> <li>• Sekiranya syarikat mempunyai lebih dari satu akaun semasa yang aktif, hantar kesemua penyata bank untuk pengiraan pendapatan yang lebih tepat.</li> <li>• Pinjaman di bank lain yang sedang distruktur/ dijadual semula boleh memberi kesan.</li> <li>• Bank menilai rekod 12 bulan CCRIS. Rekod tunggakan yang melebihi dua (2) bulan boleh menyebabkan permohonan ditolak.</li> <li>• Tunggakan pembiayaan/perbelanjaan kad kredit pemilik boleh menjejaskan permohonan.</li> <li>• Pembayaran konsisten kad kredit membantu kelulusan.</li> <li>• Komitmen tinggi daripada pembiayaan baharu di bank lain atau agensi-agensi pemberi pinjaman boleh menjejaskan permohonan.</li> </ul>

22.	<b>Bagaimanakah cara untuk memohon Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju?</b>	<b>Permohonan beserta dokumen yang lengkap perlu dihantar melalui e-mel ke: <a href="mailto:microfinance@bankislam.com.my">microfinance@bankislam.com.my</a></b> <b>Maklumat lanjut mengenai program iTEKAD Maju boleh dicapai melalui:</b>  <ol style="list-style-type: none"><li>1. Laman sesawang Bank Islam: <a href="https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/itekad/">https://www.bankislam.com/corporate-info/social-finance-bank-islam/itekad/</a></li><li>2. Facebook Bank Islam: <a href="http://www.facebook.com/bankislam">www.facebook.com/bankislam</a></li><li>3. Selain itu, usahawan mikro juga boleh menghubungi: <b>Pusat Panggilan &amp; Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur No. Tel: 03-26 900 900 E-mel: <a href="mailto:contactcenter@bankislam.com.my">contactcenter@bankislam.com.my</a></b></li></ol>
-----	--	--